

DATE: 25/6/2010



SUARA BLOG

25/06/2010

Ulama masuk UMNO, robohnya Penjara Pudu

PENYERTAAN beramai-ramai ulama termasuk bekas Mufti Perlis, Dr. Mohd. Asri Zainal Abidin sebagai ahli UMNO yang dikatakan akan dibuat hari ini mendapat maklum balas beberapa penulis blog minggu ini.

Tidak kurang menarik ialah isu tembok Penjara Pudu yang dirobuhkan untuk memberi laluan pelebaran jalan.

Salleh Saad dalam *Pandangan Orang Kampung* (sallehsaad.blogspot.com) berkata, ramai di kalangan rakyat yang menanti penuh debar 'kejutan' yang dibuat UMNO apabila menyatakan kira-kira 100 ulama dan 40 daripadanya berkelulusan Ph.D akan menyertai parti itu, hari ini.

Beliau berharap kejutan itu merupakan satu kenyataan dan bukan sekadar gimik atau spekulasi semata-mata.

"Dikatakan juga para ulama yang akan menyertai UMNO itu memberitahu seorang ahli MT UMNO bahawa antara tujuan mereka menyertai UMNO adalah kerana untuk 'menegur dari dalam' jika UMNO buat salah dan 'memuji' jika buat baik.

"Murni sungguh niat mereka itu. Namun adakah niat suci itu boleh dijemakan dalam tindakan. Tentulah ia bergantung kepada banyak keadaan dan faktor," katanya.

Beliau berkata, yang menjadi persoalan ialah apakah mereka akan mendapat tempat dalam kepimpinan parti itu atau hanya sekadar menjadi ahli biasa.

"Maka timbullah persoalan iaitu sanggupkah UMNO memberikan ruang posisi tertentu kepada mereka itu atau sebahagian mereka dengan mudah; sedangkan pasti ramai lagi orang yang berada di dalam 'senarai menunggu,'" katanya.

Dr. Siddiq Azani dalam *WBHim* (writtenbyhim.wordpress.com) pula menyentuh ura-ura penyertaan Dr. Mohd. Asri dan menganggap penyertaan bekas mufti itu pasti akan menguatkan lagi UMNO.

"Saya menjangkakan sokongan orang Melayu dijangka meningkat dari 20-30 peratus jika Dr. Asri masuk UMNO. Dan sokongan ini akan berterusan jika Dr. Asri mendapat tempat dalam pimpinan tertinggi UMNO," katanya.

Penulis berkata, UMNO patut memberi kepercayaan kepada Dr. Asri dan percaya beliau akan diterima dengan hati terbuka oleh majoriti ahli UMNO.

Manakala Zulkifli Noordin (zul4kulim.blogspot.com) pula berkata, Dr. Asri tidak perlu menyertai mana-mana parti politik sama ada UMNO ataupun Pas dan berharap beliau terus sebagai ulama bebas.

Ini kerana, katanya, beliau sendiri telah melihat apa yang terjadi terhadap para ilmuan dan agamawan yang kecundang kepada berhala politik kepartian seperti itu.

"Memang seorang ulama perlu berpolitik, malahan pada saya wajib seorang ulama itu menjadi seorang 'political savvy'. Tetapi bukan dengan berparti politik.

"Kita lihat contoh di Iran, pengaruh Ayatollah yang sangat dihormati walaupun tidak berparti. Kita lihat Syekh Dr. Abdul Rahman Syudais yang pandangannya bebas tetapi tegas, sama ada diikuti atau tidak itu soal kedua, tetapi beliau berani bercakap berdasarkan hak dan kebenaran al-Quran dan Hadis," kata penulis yang juga Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu itu.

Kata beliau, seorang ulama bebas daripada politik kepartian umpama seekor harimau yang bebas di hutan belantara yang ngaumannya sahaja sudah cukup menggerunkan.

"Tetapi harimau yang sama, diletak di dalam kandang zoo, jangankan mengaum, jadi tontonan budak-budak tadika sahaja. Itulah kedudukan ulama yang duduk di dalam kandang kepartian, sekadar menjadi tontonan dan bahan hiasan sahaja," katanya.

Mengenai Penjara Pudu, Ibrahim Yahya dalam *Dunia Tiger* (duniatiger.blogspot.com) berkata, walaupun ia bukan tapak warisan tetapi penjara yang dibina tahun 1891 itu menyimpan banyak sejarah sebagai salah satu mercu tanda penting ibu negara.

"Setelah lebih seabad, tembok dengan mural terpanjang di dunia itu akhirnya diroboh. Tepat jam 10 malam tadi (21 Jun), ribuan warga kota dan pelancong asing menjadi saksi kepada detik bersejarah proses perobohan tembok itu.

"Kawasan itu akan berubah wajah dan akan dibangunkan menjadi pusat komersial dan perumahan," katanya.

Kata beliau, pelbagai cerita menarik tersimpan di dalam tembok tersebut antaranya kejadian dua orang awam yang ditawan oleh banduan, diketuai Jimmy Chuah pada 1985 ekoran kesesakan penjara tersebut yang menempatkan 6,550 banduan.

Blog *Mesin Taip Buruk* (mesintaipburuk.blogspot.com) menulis, walaupun ada pemimpin kerajaan yang menganggap penjara tersebut tidak sesuai dijadikan tapak warisan tetapi ia tetap menyimpan banyak sejarah.

"Benar, Penjara Pudu tidak sewajarnya dikekalkan tetapi sekurang-kurangnya 'simpanlah' beberapa bahagian daripadanya terutama pintu masuk utamanya.

"Ini kerana setahu aku banyak penjara lama di dunia telah diubah-suai dan dikekalkan sebahagiannya sebagai kenang-kenangan," kata blog tersebut.

Tanya penulis, jika bangunan lama lain di sepanjang Jalan Pudu boleh dikekalkan sebahagian seni binanya kenapa Penjara Pudu perlu boleh dikekalkan sebahagiannya?

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman.ismail@utusan.com.my